



RASMI... Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor diiringi Prof. Dr. Khairuddin Abdul Hamid, semasa melakukan perasmian Cipta 2009, di UNIMAS, Kota Samarahan, semalam. • FOTO: AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

CIPTA titik mula pelajar ketengahkan hasil ciptaan

vs Selasa 14/4/09 p.1

KOTA SAMARAHAN, Isnin — Pameran Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir (CIPTA) 2009 boleh menjadi platform kepada pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempamerkan hasil karya seni dan kreativiti masing-masing.

Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor berkata, hasil karya pelajar tahun akhir di dalam pameran CIPTA 2009 itu dianggap sebagai satu titik permulaan bagi hasil ciptaan yang tiada nokhtahnya yang akan digunakan sebagai profil karier pada masa akan datang.

Menurutnya, ia juga membolehkan pelajar mewujudkan jaringan komunikasi dengan pihak industri yang berkaitan.

"CIPTA berupaya mengetengahkan

hasil karya, ciptaan, rekaan dan penyelidikan pelajar yang bersifat kreatif, inovatif dan berteknologi kepada peminat seni tanah air.

"Ia juga dapat memupuk kesedaran masyarakat terhadap perkembangan dan kepentingan seni rekaan yang lebih kontemporari," katanya ketika berucap pada majlis perasmian CIPTA 2009 di Eksperimental Teater Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Kampus Barat Unimas di sini hari ini.

Beliau berkata, CIPTA berbentuk akademik yang telah menjadi aktiviti utama fakulti FSGK turut memberi pendedahan kepada pelajar aspek pengurusan acara, komunikasi dan membentuk semangat kolektif, perpaduan, kerjasama, bertang-

gungjawab serta menghargai hasil karya seni mereka.

Katanya, ia sejajar dengan prospek Rancangan Malaysia Kesembilan (RM Ke-9) iaitu penekanan yang lebih akan diberi untuk mempertingkatkan peranan budaya, seni dan warisan dalam kehidupan rakyat Malaysia serta menggalakkan industri yang berkaitan dengan budaya dan seni.

"Penumpuan ini adalah kerana penglibatan aktif semua golongan dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian yang menyumbang ke arah membangun individu secara total, mempererat perpaduan negara serta mempertingkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia," ujarnya.

CIPTA adalah pameran pelajar tahun

akhir dan sebagai salah satu prasyarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda di FSGK daripada pelbagai bidang iaitu seni fotografi, seramik, seni reka grafik, seni reka perindustrian, seni reka tekstil dan fesyen, seni reka animasi, muzik teknologi, sinematografi dan pengurusan seni.

Hadir sama pada majlis itu ialah Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Khairuddin Abd Hamid, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Fatimah Abang, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Peter Songan dan Dekan FSGK, Dr Hasnizam Abdul Wahid.